

BERITA HARIAN

DATE: 21/08/2007

Konsep pembelajaran ICT di sekolah dipertingkatkan

PM tidak mahu melihat berlaku fenomena kemiskinan digital

Oleh Shamshul Azree Samshir

CYBERJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menggesa rakyat menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tidak mahu melihat berlaku fenomena kemiskinan digital di kalangan masyarakat di seluruh negara.

Perdana Menteri yang mpenge-
rusikan mesyuarat Majlis Teknologi
Maklumat Negara (NITC) di sini, se-
malam mahu konsep dan pelaburan
dalam bidang ICT dalam sistem pem-
belajaran di sekolah di seluruh ne-
gara dipertingkatkan seperti yang di-
laksanakan menerusi projek sekolah
bestari.

Selain itu, Abdullah pada mesyua-
rat NITC berkenaan turut membuat
beberapa keputusan penting termas-
uk berhubung isu jenayah siber bagi
memperkukuhkan sektor ICT tem-
patan.

Menteri Sains, Teknologi dan Ino-
vasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis,
berkata pada mesyuarat semalam,
Perdana Menteri mengulangi baha-
wa kerajaan tidak mahu melihat ber-
laku kemiskinan digital di kalangan
rakyat.

“Beliau mahu melihat setiap in-
dividu meningkatkan produktiviti
menerusi penguasaan ICT yang bi-
jak,” katanya ketika berucap pada
majlis pelancaran beberapa inisiatif
baru dalam sektor ICT tempatan se-
lepas mesyuarat berkenaan, sini, se-
malam.

Ia merangkumi inisiatif pengkom-
puteran grid oleh Mimos dikenali
sebagai ‘KnowledgeGrid, The Evolu-
tion of NISER Brand into Cyberse-
curity’, pemeteraian memorandum
persefahaman (MOU) antara Perba-

“Perdana Menteri
menitikberatkan
pembangunan sejajar
dengan nilai murni
agama dan budaya
seperti ditekankan
dalam konsep
Islam Hadhari”

Jamaludin Jarjis
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

danan Pembangunan Multimedia
(MDEC) dengan rakan niaga Kongres
Dunia dalam Teknologi Maklumat
(WCIT) serta pelancaran pusat kan-
dungan kreatif animasi Malaysia.

Jamaludin berkata, Perdana Men-
teri amat menitikberatkan pemba-
ngunan sejajar dengan nilai murni
agama dan budaya seperti ditekan-
kan dalam konsep Islam Hadhari.

“Inisiatif Cybersecurity yang di-
lancarkan Perdana Menteri antara
lain bertanggungjawab mengawal se-
lia kesan negatif dunia siber terha-
dap kepercayaan, keselamatan serta
kebudayaan masyarakat negara ki-
ta,” katanya.

Mesyuarat NITC semalam antara
lain bertujuan mengkaji semula ke-
majuan sektor ICT tempatan serta
membincangkan cadangan strategik
yang boleh diambil bagi melonjak
keupayaan negara dalam persekitar-
an global yang diterajui teknologi.

Mesyuarat menumpukan perhati-
an kepada usaha dilakukan pelbagai
agensi kerajaan yang bertanggung-
jawab dalam pembangunan ICT ne-
gara (MDEC), Mimos Bhd, Cyberse-
curity serta WCIT yang akan dihos-
kan Malaysia tahun depan.

Mesyuarat tertutup itu turut mem-

bincangkan langkah mengekalkan
kelebihan daya saing Malaysia dalam
bidang utama perkongsian perkhid-
matan dan penyumberan luar, ani-
masi dan kandungan digital kreatif
serta aplikasi perdana.

Agenda lain dibincangkan ialah
hala tuju baru Sekolah Bestari, isu
kedaulatan dan keselamatan ICT, ka-
edah merapatkan jurang digital serta
penganjuran Minggu Teknologi Mak-
lumat (IT) Sedunia 2008 (WIW) yang
dijadualkan pada 17 Mei depan.

WIW termasuk Mesyuarat Panel
Penasihat Antarabangsa Tahunan
Koridor Raya Multimedia, WCIT, Pa-
katan Global ICT dan Forum Pem-
bangunan serta Mesyuarat Menteri-
Menteri ICT Asean.

Kenyataan akhbar dikeluarkan
sempena Mesyuarat NITC menyebut,
sebagai teras Misi Nasional digaris-
kan dalam Rancangan Malaysia Ke-
sembilan (RMK-9), ICT mempunyai
peranan penting membantu ekonomi
Malaysia meningkatkan rangkaian
nilai.

Menurut kenyataan itu, kerajaan
merancang memanfaatkan ICT bagi
memodenkan industri sedia ada ser-
ta sumber baru kekayaan dan men-
jana tenaga kerja mahir.